

06 OCT 2000

Mahathir-Kewangan

SEKALI LAGI MAHATHIR KATA KERANGKA KEWANGAN GLOBAL PERLU DIUBAH

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi menekankan bahawa kerangka kewangan dunia perlu diubah untuk menghapuskan spekulasi, atau manipulasi, yang tidak perlu.

"(Spekulator George) Soros-pun mengakui bahawa anda tidak boleh membiarkan sahaja pasaran. Pasaran tidak sempurna. Apa yang kita perlu adakan adalah peraturan dan undang-undang yang sesuai walaupun untuk aktiviti spekulasi," katanya dalam temuramah dengan Financial Times London, semalam.

Dr Mahathir berkata kini seolah-olah tiada sebarang halangan.

Katanya sementara modal mesti dibenarkan melepasi sempadan tanpa halangan dan adalah baik apabila ia mengalir masuk untuk merangsang ekonomi, apa yang buruknya adalah apabila modal dikeluarkan secara tiba-tiba.

Sambil mengatakan bahawa spekulator seolah-olah tidak kisah dengan kesan akibat tindakan mereka, beliau berkata mereka hanya berfikir mengenai berapa banyak wang yang mereka boleh dapatkan.

"Dan daripada apa yang saya lihat, mereka menghancurkan lebih kekayaan hanya untuk mendapat sedikit untuk diri mereka... Saya tidak nampak kenapa ia dibenarkan," kata Dr Mahathir yang kini dalam lawatan kerja 10 hari ke Britain.

Dr Mahathir juga menekankan bahawa sehingga dunia mengadakan rejim kewangan baru yang menghapuskan bentuk permainan spekulasi yang mereka ini mainkan, Malaysia akan kekalkan kawalan tukarannya.

"Kerana kami tidak dapat membiarkannya di pasaran, pasaran tidak bertanggungjawab dan apa yang mereka fikirkan adalah berapa banyak wang boleh mereka dapatkan untuk diri mereka," jelasnya.

Mengenai kawalan modal, katanya, orang ramai boleh membawa wang keluar dan masuk Malaysia dengan agak mudah sekarang jika mereka mahu melabur dalam pasaran saham.

"Cuma satu iaitu mereka akan diminta membayar cukai 10 peratus ke atas keuntungan yang mereka bawa keluar negara. Itu sahaja. Dan ia adalah amat minimum kerana keuntungan tidak begitu besar. Tiada cukai ke atas keuntungan modal. Jadi mereka mendapat keuntungan modal yang besar. Jadi secara praktikalnya tiada halangan ke atas aliran modal jangka pendek."

Mengenai pelaburan dalam keupayaan produktif, Dr Mahathir berkata tiada sebarang kawalan. Orang boleh datang dan melabur dan membawa keluar wang mereka jika mereka mahu.

Perdana Menteri juga berkata beliau percaya bahawa spekulasi dalam matawang perlu dikawal.

"Memang boleh. Ini adalah satu bidang di mana mereka beritahu kami anda mesti telus, tetapi mereka sendiri jauh daripada telus. Anda tidak tahu di mana mereka. Anda tidak tahu berapa banyak wang mereka ada, bagaimana mereka beroperasi, apa yang mereka sebenarnya lakukan, bagaimana mereka memanipulasi semua ini. Anda tidak tahu.

"Ia harus terbuka kepada setiap orang dan bank tidak harus diberikan begitu banyak leveraj. Ia boleh sehingga 200 kali. Dalam kes LTCM ia mencecah bertrilion-trilion dolar. Adalah tidak munasabah bank boleh membuat risiko wang sebegitu banyak dengan dana-dana ini dan kita dapat lihat sesuatu menjadi tidak betul. Apabila mereka tersilap kawan mereka harus membantu mereka."

Dr Mahathir apabila ditanya mengenai keadaan pembaharuan kerangka kewangan merasakan bahawa orang ramai seolah-olah tidak melihatnya sebagai penting.

"Dan kami dapati IMF (Tabung Wang Antarabangsa) agak menentang, walaupun yang peliknya orang seperti (George) Soros ada menyebut mengenai

keperluan mengadakan peraturan di pasaran matawang.

"Tetapi, pendapat umum di kalangan negara-negara yang boleh menjadi mangsa serangan adalah mesti ada satu bentuk peraturan. Tetapi negara-negara yang kaya dan tidak merasakan mereka berisiko, merasakan bahawa semuanya OK dan mereka mendapat wang yang banyak."

-- BERNAMA

SHY SHY JR OS PR